

# Pas perlu jelas perbezaan mengikut takrif

UM 1 OCT 2011

PEKAN 30 Sept. — Pas perlu menjelaskan kepada orang ramai apakah perbezaan negara Islam mengikut takrifnya berbanding konsep negara Islam oleh UMNO seperti yang ada sekarang.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, parti berkenaan tidak lagi perlu berdolak-dalik dalam hal berkenaan kerana pihak-pihak lain telah mengiktiraf Malaysia sebagai negara Islam.

“Mereka perlu jelaskan apakah bezanya ciri-ciri negara Islam yang mahu diwujudkan dan jangan lagi berdolak-dalik,” katanya di sini hari ini.

Beliau ditemui selepas merasmikan Perhimpunan Hari Belia Peringkat Daerah Pekan, di Muzium Sultan Abu Bakar.

Laporan akhbar hari ini menyebut Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia adalah negara Islam yang selari dengan ajaran Islam.

Kenyataan itu dibuat bagi merujuk kenyataan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor yang mahu Perdana Menteri mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam di Parlimen.

Dr. Mahathir bagaimanapun berkata, rakyat bukan Islam mempunyai hak untuk menganggap negara ini sebagai sebuah ne-

gara sekular. Tetapi UMNO menganggap Malaysia sudah memenuhi syarat untuk mengaku sebagai negara Islam.

Najib menjelaskan, konsep negara Islam oleh kerajaan sekarang jelas telah mendapat pengiktirafan antarabangsa malahan menjadi model sebagai sebuah negara Islam yang maju.

“Kita amalkan prinsip Islam secara syumul dan bukan sempit serta menolak segala bentuk tindakan yang bertentangan dengan agama seperti kekejaman, maki hamun dan sebagainya,” katanya.

Beliau berkata, konsep negara Islam yang diamalkan oleh kerajaan adalah untuk membawa negara ini kepada kesejahteraan serta membina kekuatan umat.

Katanya, UMNO jelas telah berjaya membina kekuatan umat Islam di negara ini dalam pelbagai bidang termasuk politik, ekonomi, sosial, pendidikan dan sebagainya.

“Selain itu, amalan Islam yang dilaksanakan di dalam kerajaan sekarang juga tidak menafikan hak wanita dalam pelbagai bidang,” ujarnya.

Beliau menjelaskan, prinsip negara Islam yang toleran dan progresif itu telah mendapat sanjungan daripada pelbagai pihak termasuk ulama-ulama terkenal di dunia.